

HERBESSER R100 / R200

Diltiazem Hydrochloride (100mg, 200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Herbesser R
2. Bagaimana Herbesser R berfungsi
3. Sebelum menggunakan Herbesser R
4. Cara menggunakan Herbesser R
5. Semasa menggunakan Herbesser R
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Herbesser R
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Herbesser R

Herbesser R digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (Hipertensi) dan angina. Angina adalah sakit dada yang teruk bila otot jantung tidak menerima oksigen yang mencukupi.

Bagaimana Herbesser R berfungsi

Herbesser R berfungsi dengan mengurangkan tegangan dan membuka ruang saluran pada saluran darah. Ini memudahkan pengedaran darah kepada seluruh tubuh, menurunkan tekanan darah dan membantu menghantar lebih banyak oksigen ke jantung.

Sebelum menggunakan Herbesser R

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan produk ini jika anda mempunyai sebarang masalah jantung seperti penyekatan jantung.

Jangan mengambil ubat ini jika anda alah kepada diltiazem, atau sebarang ramuan dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Herbesser R100 jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Herbesser R100 jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan

Sebelum anda mula mengambil ubat ini, beritahu doktor anda jika anda :

- mempunyai sebarang keadaan perubatan lain, terutamanya penyakit yang berkaitan dengan jantung anda, ataupun jika anda mempunyai tekanan darah rendah.

- telah menjalani, atau merancang untuk menjalani sebarang jenis pembedahan dalam masa terdekat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat-ubatan boleh menyebabkan komplikasi yang tidak diingini apabila diambil bersama-sama dengan Herbesser R. Ubat-ubatan ini termasuk:

- ejen anti-hipertensi (mengurangkan tekanan darah)

- ejen *beta blocker* (kadar jantung yang tidak teratur)

- *theophylline* (melambatkan perkumuhan *theophylline* dari badan).

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Herbesser R

- Berapa banyak harus digunakan

Dos dewasa biasa adalah 100-200mg sekali sehari. Dos boleh diselaraskan bergantung kepada umur dan simptom pesakit.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Herbesser R

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Herbesser R.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Herbesser R dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Herbesser R boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk:
Pening, sakit kepala, ketidaksesuaian perut, loya, cirit-birit.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Herbesser R

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30 °C, dan elakkan daripada kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini

dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Herbesser R100 - kapsul keras putih yang diisi dengan manik putih pucat kekuningan.

Herbesser R200 - Kapsul keras putih dan merah diisi dengan manik putih pucat kekuningan.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Diltiazem hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Fumaric Acid, Povidone, Non-pareil seeds, Ammonio methacrylate copolymer Type A&B, Talc

- Nombor MAL

Herbesser R100

MAL20000015ARZ

Herbesser R200

MAL20000016ARZ

Pengilang

Diperbuat oleh:

Mitsubishi Tanabe Pharma Factory Ltd.,
Onoda Plant
7473-2, Ooaza Onoda, Sanyo Onoda,
Yamaguchi,SanyoOnoda,JAPAN.

Dibungkus semula oleh:

PT. Tanabe Indonesia
Jalan Rumah Sakit No. 104,
Ujungberung, Bandung 40612, Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

15/6/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)280515/00128